

## Penyelidik UMS Terima Geran RM150,000 untuk Projek Penyelidikan Antartika

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 05 Julai 2019 15:29 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 174

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share

**SMART PARTNERSHIP INITIATIVE**

UPM, UNIVERSITI MALAYSIA, IMU, UMS, UTM, UIN, UPM, UMS, UTM, UIN, UPM, UMS, UTM, UIN

**YPASM RESEARCH GRANT**

**DR. NUR ATHIRAH BINTI YUSOF**  
Universiti Malaysia Sabah

**Research Project :**  
Structural and Functional Characterisation of HSP70 as a Biomarker in Identifying Resistance and Resilience Towards Heat and Salinity Stress in Pedobacter cyroconitis and Glaciozyma antarctica

Grant Amount: RM150,000

**JUMAAT, 5 JULAI** - Seorang penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima Anugerah Geran Penyelidikan Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) 2019 bernilai RM150,000 baru-baru ini.

Pensyarah Kanan Institut Penyelidikan Bioteknologi UMS, Dr Nur Athirah Yusof menerima anugerah tersebut melalui kertas kerja penyelidikan yang berkaitan dengan kajian terhadap kulat Antartika dan respon terhadap 'heat stress'.

Majlis penyampaian geran disempurnakan Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin pada

upacara pembukaan '8th Malaysian International Seminar on Antartica' di Selangor baru-baru ini.

Ketika dihubungi Dr Nur Athirah berkata, beliau sebenarnya tidak menjangka terpilih sebagai salah seorang daripada enam penerima geran.

"Saya berterima kasih kepada YPASM atas kepercayaan yang diberikan, penyelidikan ini akan dilaksanakan selama tiga tahun sehingga tahun 2022.

"Penyelidikan saya akan lebih memfokuskan kepada perubahan iklim iaitu tentang bio petanda dalam sampel mikroba dari Barat dan Utara Antartika bagi mengenalpasti akibat daripada perubahan iklim kepada benua Antartika," katanya.

Untuk rekod, Dr Nur Athirah juga mempunyai pengalaman membuat penyelidikan dalam bidang kajian pola di Antartika selama sembilan tahun sejak tahun 2010.

Kredit Gambar: Facebook [Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan - YPASM](#)